

Lindungi warisan serta pelihara kesihatan anda



Kenikmatan dalam kehidupan tiada penghujungnya – begitu juga dengan kemungkinan peristiwa yang akan berlaku pada masa depan. Persediaan untuk masa depan untuk diri sendiri dan orang tersayang adalah penting dengan perancangan kewangan dan matlamat pelaburan yang betul.

Namun begitu kehidupan sering membawa kita ke arah yang tidak disangkakan. Jamin masa depan anda pada hari ini dengan memelihara warisan dan kesihatan anda — untuk anda dan keluarga anda.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad ialah ahli PIDM.

Kukuhkan asas untuk perlindungan masa hadapan.

Kami telah mereka satu pelan yang melindungi keluarga anda dari segi kewangan dan emosi daripada perkara yang tidak diduga dalam kehidupan. Takaful FutureMax menyediakan manfaat perlindungan dan pelaburan/simpanan supaya anda meninggalkan warisan yang mencukupi untuk orang tersayang dalam waktu yang mencabar.

Anda berpotensi untuk menerima lebih daripada jumlah sumbangan yang anda bayar melalui simpanan dan perlindungan selama lebih dari 20 tahun. Dengan pelbagai peluang pelaburan untuk dipilih, anda boleh membina kehidupan yang lebih bahagia untuk keluarga anda, sama ada menghantar anak anda ke universiti terkemuka atau membeli rumah idaman.



Pelan masa kini untuk masa depan anda dan keluarga

Takaful FutureMax ialah pelan berkaitan pelaburan yang melindungi dan membantu anda membina dana simpanan untuk keperluan masa depan anda dan keluarga. Nikmati ketenangan fikiran dengan kepastian bahawa keluarga anda dilindungi sekiranya sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.



Lindung & Pelihara

Jika berlakunya kematian, anda akan meninggalkan warisan yang berkekalan untuk keluarga anda yang akan membantu mereka meneruskan kehidupan.



Indemniti Berganda

Kami akan membayar sehingga 400% daripada jumlah dilindungi sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) akibat kemalangan.



Pengumpulan Kekayaan

Kami akan membayar manfaat Pelaburan Tambahan sebanyak 10% daripada sumbangan tahunan anda pada akhir tahun ke-5 sijil. Nikmati Ganjaran Kematangan sebanyak 10% daripada sumbangan tahunan anda dan peluang/anggaran/kemungkinan nilai akaun yang tinggi dalam Akaun Simpanan Peserta anda apabila sijil anda matang.



Perlindungan Kanser

Kami akan membayar 50% daripada jumlah dilindungi apabila anda didiagnosis dengan Kanser dan sumbangan masa hadapan akan dikecualikan untuk membantu dalam pemulihan anda.

Manfaat-manfaat produk

	Akibat semula jadi	Akibat kemalangan
<p>Manfaat kematian Jika Orang Dilindungi meninggal dunia, kami akan membayar:</p>	<p>100% daripada Jumlah Dilindungi atau nilai akaun anda di dalam Akaun Simpanan Peserta (ASP), yang mana lebih tinggi.</p>	<p>Sehingga umur 75 tahun hari lahir berikutnya 200% daripada Jumlah Dilindungi apabila kematian akibat kemalangan;</p> <p>300% daripada Jumlah Dilindungi akibat kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam;</p> <p>400% daripada Jumlah Dilindungi akibat kemalangan semasa lawatan ke luar negara (tidak lebih daripada 90 hari berturut-turut bagi setiap perjalanan); atau</p> <p>nilai akaun anda di dalam ASP, yang mana lebih tinggi.</p> <p>Melebihi umur 75 tahun hari lahir berikutnya 100% daripada Jumlah Dilindungi atau nilai akaun anda di dalam ASP, yang mana lebih tinggi.</p>
	<p>Manfaat Kematian akibat kemalangan TIDAK terpakai kepada Orang Dilindungi dengan Kelas Pekerjaan 5, di mana nilai akaun di dalam ASP atau 100% daripada Jumlah Dilindungi, yang mana lebih tinggi, akan dibayar apabila kematian akibat kemalangan.</p>	
<p>Manfaat HUPK Jika Orang Dilindungi mengalami HUPK, kami akan membayar:</p>	<p>100% daripada Jumlah Dilindungi atau nilai akaun anda di dalam ASP, yang mana lebih tinggi.</p>	<p>Sehingga umur 75 tahun hari lahir berikutnya 200% daripada Jumlah Dilindungi apabila kematian akibat kemalangan;</p> <p>300% daripada Jumlah Dilindungi akibat kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam;</p> <p>400% daripada Jumlah Dilindungi akibat kemalangan semasa lawatan ke luar negara (tidak lebih daripada 90 hari berturut-turut bagi setiap perjalanan); atau</p> <p>nilai akaun anda di dalam ASP, yang mana lebih tinggi.</p>
	<p>Manfaat Kematian akibat kemalangan TIDAK terpakai kepada Orang Dilindungi dengan Kelas Pekerjaan 5, di mana nilai akaun di dalam ASP atau 100% daripada Jumlah Dilindungi, yang mana lebih tinggi, akan dibayar apabila HUPK akibat kemalangan.</p> <p>Manfaat HUPK akibat kemalangan terpakai sehingga umur 75 hari lahir berikutnya atau tarikh luput sijil, yang mana lebih awal.</p>	
<p>Manfaat Kanser Jika Orang Dilindungi didiagnosis dengan kanser, kami akan membayar:</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 50% daripada Jumlah Dilindungi (manfaat ini akan mengurangkan Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian). • Sumbangan masa hadapan (termasuk FWD Saver) dikecualikan. <p>Nota: Sijil anda akan diteruskan dengan Jumlah Dilindungi berkurangan untuk manfaat kematian dan HUPK, tertakluk pada kecukupan nilai akaun anda dalam ASP untuk membayar caj yang perlu dibayar. Manfaat Kanser terpakai sehingga umur 75 hari lahir berikutnya atau tarikh luput sijil, yang mana lebih awal.</p>	
<p>Tempoh Kemudahan Tidak Luput Tempoh kemudahan tidak luput adalah untuk 60 bulan pertama sijil tertakluk pada:</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Anda telah membayar semua sumbangan berkala dan sebarang sumbangan tambahan berkala yang perlu dibayar tepat pada masanya. • Anda tidak meningkatkan jumlah dilindungi. • Anda tidak mengurangkan sumbangan berkala. • Anda tidak membuat sebarang pengeluaran. 	

Manfaat-manfaat produk (sambungan)

Pelaburan Tambahan

Peristiwa pencetus	Jumlah manfaat yang perlu dibayar
Pada akhir tahun ke-5 sijil	10% daripada sumbangan tahunan akan diperuntukkan ke dalam ASP.

Manfaat Kematangan

Peristiwa pencetus	Jumlah manfaat yang perlu dibayar
Kematangan	<p>Nilai akaun dalam ASP + Ganjaran Kematangan (10% daripada sumbangan tahunan).</p> <p>Bagi umur kematangan 100 tahun (mengikut umur kematangan yang dipilih), Ganjaran Kematangan tambahan akan dibayar apabila Orang Dilindungi mencapai umur 80 hari lahir berikutnya. Oleh itu, hanya nilai akaun dalam ASP akan dibayar pada tarikh matang.</p>

Parameter Produk

Item	Butiran			
	Umur Penyertaan Minimum		Umur Penyertaan Maksimum	
Had Umur	19 hari lahir berikutnya		70 hari lahir berikutnya Tertakluk kepada tempoh sijil minimum 20 tahun.	
	Umur tamat: <ul style="list-style-type: none"> Manfaat kematian: mengikut umur kematangan yang dipilih. HUPK, kematian akibat kemalangan, HUPK akibat kemalangan dan Kanser: 75 hari lahir berikutnya. Perlindungan HUPK, kematian akibat kemalangan, HUPK akibat kemalangan dan Kanser akan tamat sebelum ulang tahun sijil, selepas hari lahir ke-74 Orang Dilindungi. 			
Tempoh Sijil	<ul style="list-style-type: none"> Minimum 20 tahun; atau Peserta boleh memilih umur kematangan sehingga 70/80/100 tahun hari lahir berikutnya (tertakluk pada tempoh minimum 20 tahun). 			
Tempoh Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan Terhad selama 5/10 tahun. 			
Jumlah Dilindungi (RM)	Jumlah Dilindungi Minimum		Jumlah Dilindungi Maksimum	
	RM250,000		Tertakluk pada pengunderaitan	
Pilihan kekerapan sumbangan	Tahunan	Separuh tahunan	Suku tahunan	Bulanan

Bagaimana Pelan Ini Berfungsi



Haris, 30, ialah seorang pengurus kewangan, suami kepada Sofea dan sedang menunggu kelahiran anak pertama mereka. Haris bimbang tentang inflasi dan peningkatan kos perubatan jadi dia bercadang untuk melabur dan menjamin masa depan keluarganya dengan Takaful FutureMax.



- 1 Haris menyumbang RM2,363 sebulan, untuk jumlah dilindungi sebanyak RM400,000 untuk perlindungan sehingga 80 tahun, dan memilih pelan sumbangan terhad selama 5 tahun.



- 2 Pada usia 33 tahun, Haris disahkan menghidap kanser paru-paru. Beliau menerima manfaat kanser sebanyak RM200,000 iaitu 50% daripada jumlah dilindungi untuk membayar kos rawatan dan pemulihan, dan sumbangan masa depannya juga turut dikecualikan.



- 3 Pada usia 35 tahun, Haris menerima RM2,835 daripada manfaat Pelaburan Tambahan yang membolehkan beliau untuk merancang pendidikan awal anaknya.



- 4 Pada usia 60 tahun, Haris meninggal dunia akibat kemalangan kereta. Keluarga beliau akan menerima manfaat kematian akibat kemalangan sebanyak RM400,000 sekali gus.

Yuran dan caj

Penerangan	Yuran dan caj																		
Yuran Wakalah	<p>Sebahagian daripada Yuran Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada perantara. Yuran yang sebenar bergantung pada tahun dan tempoh yang dipilih.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Terhad 5 Tahun: sehingga 35% setahun • Bayaran Terhad 10 Tahun: sehingga 40% setahun • Yuran Wakalah untuk FWD Saver dan sumbangan tambahan lain: 5% 																		
Caj Perkhidmatan Bulanan	RM10 sebulan.																		
Tabarru' Bulanan (Derma)	Kami akan menolak tabarru' daripada nilai akaun anda dalam ASP. Kadar tabarru' tidak tetap dan berdasarkan umur Orang Dilindungi pada hari lahir berikutnya, jantina, jumlah perlindungan, status kesihatan, status merokok dan pekerjaan.																		
Duti setem	Duti setem satu kali sebanyak RM10 akan ditanggung oleh Pemilik Sijil dan dibayar bersama sumbangan pertama.																		
Caj Pengurusan Dana	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana</th> <th>% Caj (setahun)</th> <th>Jenis</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>FWD Takaful LifeSelect Equity Fund</td> <td>1.5%</td> <td>Ekuiti</td> </tr> <tr> <td>FWD Takaful Asia Pacific Islamic Equity Fund</td> <td>1.5%</td> <td>Ekuiti</td> </tr> <tr> <td>FWD Takaful Dynamic Fund</td> <td>1.5%</td> <td>Aset Bercampur</td> </tr> <tr> <td>FWD Takaful Islamic Sukuk Fund</td> <td>1.0%</td> <td>Sukuk</td> </tr> <tr> <td>FWD Takaful World Islamic Equity Fund</td> <td>1.5%</td> <td>Ekuiti</td> </tr> </tbody> </table>	Dana	% Caj (setahun)	Jenis	FWD Takaful LifeSelect Equity Fund	1.5%	Ekuiti	FWD Takaful Asia Pacific Islamic Equity Fund	1.5%	Ekuiti	FWD Takaful Dynamic Fund	1.5%	Aset Bercampur	FWD Takaful Islamic Sukuk Fund	1.0%	Sukuk	FWD Takaful World Islamic Equity Fund	1.5%	Ekuiti
Dana	% Caj (setahun)	Jenis																	
FWD Takaful LifeSelect Equity Fund	1.5%	Ekuiti																	
FWD Takaful Asia Pacific Islamic Equity Fund	1.5%	Ekuiti																	
FWD Takaful Dynamic Fund	1.5%	Aset Bercampur																	
FWD Takaful Islamic Sukuk Fund	1.0%	Sukuk																	
FWD Takaful World Islamic Equity Fund	1.5%	Ekuiti																	

Pengecualian ringkas

Hanya ada beberapa peristiwa di mana kami tidak akan membayar manfaat sijil ini:

Kematian	HUPK, Kanser dan Pengecualian Sumbangan		
<p>Bunuh diri</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat kematian di bawah sijil ini jika tuntutan dibuat akibat bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari: tarikh permulaan sijil anda; atau tarikh kali terakhir kami menghidupkan semula sijil anda; atau tarikh kali terakhir kami meluluskan peningkatan jumlah dilindungi di bawah sijil anda; yang mana lebih kemudian.</p> <p>Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi. Jika ini berlaku, kami akan membayar nilai akaun anda di dalam ASP pada tarikh kematian.</p>	<p>Keadaan sedia ada</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat Kanser dan pengecualian sumbangan di bawah sijil ini untuk sebarang tuntutan oleh Orang Dilindungi berkenaan dengan sebarang keadaan, penyakit atau kecederaan jika terdapat sebarang manifestasi, diagnosis atau rawatan keadaan, penyakit atau kecederaan tersebut sebelum tarikh mula atau tarikh penghidupan semula sijil.</p>		
	<p>Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan terhadap diri sendiri</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat HUPK, Kanser dan pengecualian sumbangan di bawah sijil ini jika tuntutan dibuat akibat percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan atas diri sendiri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari: tarikh permulaan sijil anda; atau tarikh kali terakhir kami menghidupkan semula sijil anda; atau tarikh kali terakhir kami meluluskan peningkatan jumlah dilindungi di bawah sijil anda; yang mana lebih kemudian.</p> <p>Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.</p>	<p>Tindakan menyalahi undang-undang</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat HUPK, Kanser dan pengecualian sumbangan di bawah sijil ini jika tuntutan timbul kerana anda atau Orang Dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang.</p>	<p>Peperangan</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat HUPK, Kanser dan pengecualian sumbangan di bawah sijil ini jika tuntutan itu adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa kejadian yang sama.</p>

Nota: Sila rujuk sijil untuk penjelasan terperinci tentang pengecualian.

Tempoh menunggu

Tempoh menunggu adalah 90 hari untuk manfaat Kanser dan pengecualian sumbangan (akibat kanser).

Dana berkaitan pelaburan

Sumbangan anda yang telah dibayar (selepas ditolak Yuran Wakalah) akan dilaburkan ke dalam dana pelaburan pilihan anda. Setiap pilihan dana pelaburan mempunyai risiko masing-masing dan tertakluk pada turun naik nilai pasaran. Nilai dana berkaitan pelaburan akan berasaskan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan tidak dijamin. Risiko pelaburan dalam dana(-dana) pelaburan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda. Dalam senario yang paling tidak diingini, nilai dana(-dana) pelaburan anda di bawah pelan ini mungkin bernilai kurang daripada apa yang anda laburkan di bawah pelan ini. Sila rujuk Lampiran Fakta Dana untuk penerangan tentang pelaburan yang ada dan risiko yang berkaitan bagi setiap dana tersebut.

Dana Risiko Peserta

Tabarru' bulanan akan ditolak daripada nilai akaun anda dalam ASP dan dipindahkan ke dalam Dana Risiko Peserta yang berkaitan, di mana manfaat perlindungan dibayar. Sebagai ganjaran untuk mengurus dan mentadbir Dana Risiko Peserta, Pengendali Takaful berhak mendapat insentif bersamaan 50% daripada lebih untuk diagihkan. Baki 50% daripada lebih akan diagihkan kepada peserta yang layak dan kelayakan anda akan diperuntukkan setiap tahun sebagai unit tambahan dalam ASP.

Penyerahan

Sekiranya berlaku penyerahan, jumlah nilai akaun anda di dalam ASP akan dibayar. Walau bagaimanapun, anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil ini dan amaun yang perlu dibayar kepada anda mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda buat.

Nota Penting

Anda perlu berpuas hati bahawa pelan berkaitan pelaburan dan rider (jika ada) yang anda mahu sertai boleh memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dinyatakan untuk pelan ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.

Takaful FutureMax ialah pelan takaful berkaitan pelaburan sumbangan terhad selama 5 atau 10 tahun yang menyediakan perlindungan dan simpanan Takaful untuk sekurang-kurangnya 20 tahun atau sehingga umur anda 70, 80 atau 100 tahun hari lahir berikutnya. Sumbangan yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda boleh membandingkan pulangan tahunan produk takaful ini dengan pulangan alternatif pelaburan lain.

Anda layak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

Anda boleh meneliti kesesuaian pelan dan membatalkan penyertaan anda dalam tempoh 15 hari selepas menerima sijil ("tempoh percubaan"). Jika anda membatalkan sijil anda semasa ia masih dalam tempoh percubaan, FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M) ("Operator Takaful") akan membayar balik:

- a. yuran wakalah, caj perkhidmatan bulanan dan jumlah tabarru' yang telah anda bayar;
- b. jumlah nilai akaun dalam ASP menggunakan harga unit pada titik penilaian seterusnya selepas kami menerima permintaan pembatalan percubaan anda;
- c. tolak sebarang bayaran pemeriksaan perubatan yang telah kami bayar.

Ingin tahu lebih lanjut?

Hubungi 1300 80 2626

Klik hsbcamanah.com.my

Kunjungi cawangan HSBC Amanah berhampiran anda

Apabila sijil anda matang, manfaat kematangan akan dibayar. Sila rujuk sijil anda untuk butiran.

Anda perlu terus membayar sumbangan secara konsisten sehingga akhir tempoh sumbangan bagi memastikan anda layak untuk mendapat semua manfaat. Jika anda tidak membayar sumbangan anda, sijil anda akan kekal aktif selagi nilai akaun anda dalam ASP cukup untuk membayar Tabarru' dan semua caj lain yang berkaitan, jika tidak sijil anda akan luput.

Ini adalah produk takaful yang berkaitan dengan prestasi aset yang mendasar, dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.

Pelan ini diuruskan oleh FWD Takaful Berhad dengan tempat perniagaan utama di Tingkat 29 Menara Shell, 211 Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

HSBC Amanah Malaysia Berhad adalah perantara dalam pengagihan pelan ini di Malaysia dan mungkin diberi imbuhan atau dibayar komisen oleh FWD Takaful Berhad.

Produk dan perkhidmatan yang dirujuk dalam risalah ini ditawarkan di Malaysia sahaja.

Risalah ini tidak membentuk kontrak antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma-terma dan syarat-syarat yang berkenaan dinyatakan dalam dokumen sijil.

Untuk maklumat lanjut mengenai yuran, caj, dan butiran lain tentang produk, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk dan Ilustrasi Manfaat.